

Bangsa Malaysia 2020

BIH - 18 - Nov - 2005

Permuafakatan masyarakat pelbagai kaum teras pewujudan



Laporan Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin, usaha membina Bangsa Malaysia mampu dicapai menjelang 2020, jika semua pihak berusaha mempererat lagi perpaduan, walaupun terpaksa berdepan pelbagai cabaran.

Perdana Menteri berkata, permuafakatan masyarakat berbilang kaum dilihat teras pewujudan bangsa Malaysia dan semua kaum perlu menyesuaikan diri serta bergaul dengan selesa selaku rakan kongsi dalam proses pembangunan negara.

"Kita mahu membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu, berkongsi masa depan dan mencurahkan kesetiaan tanpa berbelah bagi terhadap negara," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Chong Hon Min (Bebas-Sandakan) di Dewan Rakyat, semalam.

Walaupun pembinaan bangsa belum tercapai, Abdullah menegaskan,

“ Pembentukan bangsa Malaysia persoalan kompleks kerana kita mempunyai masyarakat berbilang kaum ”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

semangatnya sudah diserap dalam jiwa rakyat dan terus diperkukuh menerusi konsep perpaduan nasional.

Katanya, beberapa dasar sosio ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Negara (DPN), Dasar Wawasan Negara dan Dasar Sosial Negara adalah antara usaha yang menjurus kepada integrasi nasional.

Justeru, Perdana Menteri berkata, pendekatan 'Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian' mesti difahami, dihayati dan dipraktikkan oleh segenap lapisan masyarakat jika mahu menjadikan Bangsa Ma-